

Bil. S 14

PERINTAH DARURAT (HIBURAN AWAM), 1997

**ATURAN-ATURAN HIBURAN AWAM
(BAYARAN DAN BORANG), 1998**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab 20 dari Perintah Darurat (Hiburan Awam), 1997 maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah membuat aturan-aturan yang berikut –

- | | |
|---|---|
| Gelaran dan
Permulaan
Kuatkuasa. | 1. Aturan-Aturan ini boleh digelar sebagai Aturan-Aturan Hiburan Awam (Bayaran dan Borang), 1998 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan Jun, 1998. |
| Borang
permohonan. | 2. Setiap permohonan bagi satu lesen di bawah Perintah tersebut hendaklah dibuat dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama. |
| Borang lesen. | 3. Setiap lesen yang dikeluarkan di bawah Perintah tersebut hendaklah dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Kedua. |
| Bayaran lesen. | 4. Bayaran yang akan dikenakan berkaitan dengan lesen-lesen di bawah Perintah tersebut adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga. |

No. Siri :

Harga \$5.00 1 set (5 salinan)

JADUAL PERTAMA

(Aturan 2)

BORANG PERMOHONAN

PERINTAH DARURAT (HIBURAN AWAM), 1997
(Sila lengkapkan dalam 5 salinan dan gunakan huruf besar)

BAHAGIAN A — KETERANGAN PERIBADI PEMOHON

1. Nama Penuh Pemohon (Huruf Besar) :
.....
No. Kad Pengenalan : Warna :
(Sertakan salinan)
2. Alamat Persuratan :
.....
..... Poskod :
Alamat Pejabat :
.....
..... Poskod :
3. No. Telefon Pejabat : Rumah :
No. Mesin Fax :

BAHAGIAN B — KETERANGAN PERNIAGAAN/SYARIKAT/PERTUBUHAN

4. Nama Perniagaan/Syarikat/Pertubuhan :
5. Alamat :
..... Poskod :
6. No. Pendaftaran : Tarikh Pendaftaran :
(Sertakan salinan)
7. Aktiviti/Jenis Perniagaan :
8. No. Telefon (Pejabat) : No. Mesin Fax :

BAHAGIAN C — KETERANGAN TEMPAT HIBURAN AWAM

9. Alamat Tempat Hiburan :
10. Tempat Pertunjukan (Nyatakan tingkat atau lantai jika dalam bangunan) :
11. Nama Pertunjukan :
12. Jenis Pertunjukan :
(Sertakan maklumat lengkap seperti nama-nama artis, barang-barang pertunjukan dan lain-lain)
13. Tarikh Pertunjukan : hingga
14. Waktu-waktu Pertunjukan/Hiburan : (i) hingga
(ii) hingga
(iii) hingga
(iv) hingga
(v) hingga
15. Nyatakan tujuan mengadakan Pertunjukan/Hiburan :
– Perdagangan ()
– Derma/Kebajikan ()
(Jika untuk Derma/Kebajikan sila beri nama dan alamat lengkap penerima).
.....
.....
.....
16. Bayaran masuk/penyertaan yang dikenakan kepada orang ramai :
(i) Bayaran masuk
a) Orang Dewasa :
b) Kanak-kanak (Di bawah umur 12 tahun) :
c) Lain-lain :
(ii) Bayaran Penyertaan :
17. Nyatakan tajaan jika ada dan sertakan salinan surat kebenaran Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
– Tajaan/Kutipan Ya/Tidak*

BAHAGIAN D — PENGAKUAN PEMOHON

Saya (Nama) No. Kad Pengenalan
 Warna : (.....) mengaku dan mengesahkan bahawa semua keterangan yang diberikan ini adalah benar. Saya juga mengaku akan mematuhi peruntukan undang-undang serta syarat-syarat pemberian lesen ini. Sebarang tindakan boleh diambil ke atas saya atau organisasi yang saya wakili atau kedua-duanya sekiranya butir-butir keterangan di atas itu didapati tidak benar. Saya akan bertanggungjawab menyediakan segala keperluan bagi perlindungan dan keselamatan penonton-penonton. Saya sertakan bersama ini dokumen-dokumen seperti berikut :

- a) Salinan kad-kad pengenalan saya dan saksi-saksi ()
- b) Salinan surat kebenaran bagi tajaan daripada KHEDN ()
- c) Salinan surat kebenaran bagi penggunaan tempat mengadakan pertunjukan ()
- d) Senarai artis-artis dan barang-barang pertunjukan dsb. ()

Tarikh :

 (Tandatangan Pemohon)
 (Cop Syarikat/Pertubuhan/Perniagaan)

Saksi 1 : Saksi 2 :
 (Tandatangan) (Tandatangan)

Nama : Nama :

No. K/P : Warna : No. K/P : Warna :

Alamat : Alamat :

* Potong yang mana tidak berkaitan

JADUAL KEDUA

(Aturan 3)

BORANG LESEN

**PERINTAH DARURAT (HIBURAN AWAM), 1997
(BAB 8)**

**PIHAK BERKUASA MENGELUARKAN LESEN HIBURAN AWAM,
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**


NOMBOR LESEN (.....)

Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan dalam Perintah dan Aturan-Aturan disebutkan di atas, Pihak Berkuasa Mengeluarkan Lesen Hiburan Awam tersebut di atas dengan ini memberi lesen kepada yang disebutkan di dalam Jadual di bawah ini bagi tujuan, di tempat (jika berkenaan), tarikh dan masa mengadakan Hiburan Awam dan tertakluk kepada syarat-syarat (jika ada) disebutkan di dalam Jadual di bawah :

JADUAL

1. Nama dan Alamat/Syarikat/No. Kad Pengenalan dan Warna Pemegang Lesen :
.....
.....
..... Poskod :
2. Jenis Pertunjukan/Hiburan Awam yang dilesenkan :
.....
3. Tempat Nama Pertunjukan/Hiburan Awam dilesenkan :
.....
4. Tarikh Pertunjukan/Hiburan Awam :
..... hingga
5. Waktu-waktu Pertunjukan/Hiburan :
(i) hingga
(ii) hingga
(iii) hingga
(iv) hingga
6. Tarikh Dikeluarkan :

7. Tarikh Mansuh :
8. Syarat-syarat : (Sila lihat di sebelah Lesen ini).



.....
(Pegawai Melesen)

.....
(Pihak Berkuasa Melesen)

JADUAL KETIGA

(Aturan 4)

BAYARAN LESEN

Bil.	Jenis Hiburan	Bayaran Lesen
Persembahan		
(a)	Muzik, nyanyian, karaoke, tarian, lakonan, opera, pantomim, lakonan aneka ragam, gimnastik, akrobat dan leger-demain, tablo ;	7 hari pertama = \$100.00 7 hari kedua = \$ 75.00 7 hari ketiga = \$ 50.00 7 hari keempat = \$ 25.00
Pameran dan Pertunjukan		
(b)	Pertunjukan bunga api, alatan set, perhiasan peringatan dan gambaran makhluk benar atau khayalan ;	Tidak ada bayaran masuk \$50.00 Dengan bayaran masuk \$100.00
(c)	Sarkas dan pameran binatang atau orang ;	7 hari pertama = \$200.00 7 hari kedua = \$150.00 7 hari ketiga = \$100.00 7 hari keempat = \$ 50.00
(d)	Taman hiburan dan pesta keriaan ;	Tidak ada bayaran masuk \$100.00 setahun Dengan bayaran masuk : 7 hari pertama = \$200.00 7 hari kedua = \$150.00 7 hari ketiga = \$100.00 7 hari keempat = \$ 50.00
(e)	Pameran model, bahan bacaan, gambar, fotograf atau patung atau bentuk-bentuk lain gambaran potongan badan manusia atau binatang ;	Tidak ada bayaran masuk \$50.00 satu pertunjukan Dengan bayaran masuk \$100.00 satu pertunjukan
(f)	Pameran filem ;	7 hari pertama = \$100.00 7 hari kedua = \$ 75.00 7 hari ketiga = \$ 50.00 7 hari keempat = \$ 25.00
(g)	Pengeluaran semula atau penyiaran melainkan yang berkaitan dengan suatu filem, dengan sebarang cara selain daripada telefoni atau telefoni radio, atau sebarang muzik, lagu atau ucapan ;	7 hari pertama = \$100.00 7 hari kedua = \$ 75.00 7 hari ketiga = \$ 50.00 7 hari keempat = \$ 25.00 Pusat Muzik = \$100.00

Bil.	Jenis Hiburan	Bayaran Lesen
(h)	Mesin dan peranti yang jika dimanipulasi memberikan peluang untuk memenangi hadiah-hadiah dalam bentuk wang atau barang ;	7 hari pertama = \$100.00 7 hari kedua = \$ 75.00 7 hari ketiga = \$ 50.00 7 hari keempat = \$ 25.00
(i)	Meja-pin dan permainan video ;	Permainan elektronik \$100.00 (sebuah mesin) Permainan video \$100.00 (sebuah mesin)
	Pertandingan/Peraduan	
(j)	Sebarang jenis pertandingan sukan di antara sebarang jumlah orang atau binatang selain daripada yang dianjurkan oleh sebarang pertubuhan, kesatuan sekerja, syarikat atau persatuan berdaftar ;	7 hari pertama = \$100.00 7 hari kedua = \$ 75.00 7 hari ketiga = \$ 50.00 7 hari keempat = \$ 25.00
		Bowling \$20.00 (bagi satu lorong) Snooker/billiard \$20.00 (sebuah meja)
(k)	Pertandingan berancang bagi permainan kemahiran ;	Taman permainan kanak-kanak \$10.00 (sebuah mesin)
(l)	Drama bacaan, deklamasi, kuliah, ceramah, ucapan, perbahasan dan perbincangan ;	Percuma
	Khairat	
(m)	Pembahagian khairat, lelong dan penjualan barang-barang untuk tujuan kebajikan atau khairat, pesta dan jamuan di luar rumah ;	Percuma
	Pameran Perdagangan	
(n)	Pameran perdagangan yang mengandungi pertunjukan, iklan atau penjualan hasil industri atau bahan-bahan ;	Satu Pameran : 7 hari pertama = \$100.00 7 hari kedua = \$ 75.00 7 hari ketiga = \$ 50.00 7 hari keempat = \$ 25.00 Satu Pempamer : 7 hari pertama = \$ 50.00 7 hari kedua = \$ 25.00 7 hari ketiga = \$ 10.00

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Diperbuat pada hari ini Sabtu 5 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1419 bersamaan dengan 2 haribulan Mei, Tahun Masihi 1998.

ISA BIN IBRAHIM
(Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja)
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.